

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, November 18, 2017 4:22 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Graduan Perlu Berfikiran Terbuka Hadapi Revolusi Perindustrian Keempat



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



18 NOVEMBER 2017 / 29 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

GRADUAN PERLU BERFIKIRAN TERBUKA HADAPI REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT



UUM ONLINE: Graduan diingatkan untuk berfikir terbuka dan bertindak mengikut nilai serta norma budaya berteraskan agama dalam menghadapi era Revolusi Perindustrian Ke-4 (IR4.0).

Canselor, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah bertitah, Revolusi Perindustrian Ke-4 itu kini menjadi agenda kerajaan dan negara untuk menghadapi masa hadapan serta realiti kehidupan yang mencabar.

Titahnya, Revolusi Perindustrian Ke-4 sebenarnya berbentuk siber-fizikal kerana aplikasi robot berkembang selaras dengan 'artificial intelligence' dan kesepaduan 'Internet of Things' yang merangkumi pelbagai perisian dan peralatan, sehingga menjadikan pertembungan antara manusia dengan robot mencetuskan 'Connected Intelligence Era'.

"Revolusi Perindustrian Ke-4 ini memudahkan kehidupan manusia dengan bantuan robotik, namun manusia harus bersiap sedia kerana pekerjaan serta kehidupan mereka akan dikuasai teknologi ini.

"Oleh itu, Beta menyeru kepada masyarakat Malaysia agar bersedia menghadapi Revolusi Perindustrian Ke-4 dan sistem pendidikan juga perlu disusun selari dengan agenda Transformasi Nasional 50 (TN50)," titahnya pada Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen Ke-30 UUM di Dewan Mu'adzam Shah, pagi tadi.

Titah Baginda, untuk Revolusi Perindustrian Ke-4 ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang merangka dasar pendidikan tinggi agar negara berdaya saing dan menjadi hub di rantau Asia Tenggara khususnya dalam 'Research and Development' menerusi gabungan serta kolaborasi universiti dan industri.

Tuanke Canselor bertitah, dengan sokongan menerusi peruntukan diberikan menerusi Bajet 2018 yang diumumkan baru-baru ini, pihak universiti perlu meningkatkan kecemerlangan dan 'Research and Development' dan juga bidang komersil.

"Beta percaya UUM mampu menjadi pemangkin dan penggerak untuk merealisasikan hasrat ini," titahnya.

Pada Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen Ke-30 UUM, KDYMM telah menerima persembahan watikah pelantikan Canselor daripada Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh.

Kemudian, Baginda turut mengisytiharkan pelantikan Tunku Temenggong Kedah, Yang Teramat mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Intan Safinaz Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Pro-Canselor baharu UUM, diikuti penyampaian ijazah kepada 363 graduan pada sesi pertama, hari ini.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.